

Bank: Amaran PM jika tidak amanah

UM 17 MAR 2000

JITRA 16 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan mungkin akan menghentikan urusan dengan institusi kewangan atau bank yang dikenal pasti mempunyai kakitangan yang tidak boleh dipercayai.

Merujuk kepada tindakan yang diambil oleh kerajaan Melaka, Perdana Menteri berkata, langkah itu dianggap perlu bagi mengelakkan segala dokumen dan wang yang didepositkan oleh kerajaan dieksploitasi oleh kakitangan bank terbabit untuk kepentingan politik pembangkang.

Beliau menegaskan, pihaknya telah mengenal pasti beberapa buah bank termasuk di Lembah Klang yang mempunyai kakitangan yang menyokong parti pembangkang secara terbuka.

“Selain Melaka, di tempat lain pun ada juga kes seumpama itu termasuk di Kuala Lumpur.

“Dalam satu kes, beberapa dokumen kerajaan yang dihantar ke sebuah bank telah disebarkan menerusi Internet untuk menunjukkan keburukan kerajaan,” katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbukanya di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Kerajaan Melaka baru-baru ini mengarahkan semua agensinya

mengeluarkan wang deposit mereka yang disimpan di bank-bank yang mempunyai kakitangan yang menyokong parti pembangkang.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd. Ali Rustam berkata, pihaknya telah mengenal pasti dua buah bank yang mempunyai kakitangan yang berkempen untuk pembangkang secara terbuka.

Mengulas lanjut berhubung perkara itu, Dr. Mahathir berkata, beliau menyokong tindakan kerajaan negeri Melaka yang mengeluarkan arahan sedemikian kepada agensi-agensinya.

Profesional

Menurut beliau, tindakan kerajaan negeri tersebut adalah wajar kerana bank terbabit tidak sepatutnya dipercayai lagi.

“Bagaimana kamu hendak percaya kepada bank seumpama itu jika pekerjanya mendedahkan rahsia kamu. Kamu simpan wang dalam bank untuk dibayar kepada orang lain.

“Mereka boleh ambil cek kemudian salin semula dan masukkan ke dalam Internet. Kerajaan tidak boleh percaya bank sedemikian,” tegasnya.

Dr. Mahathir inenarik perhatian, perbuatan kakitangan bank seum-

pama itu bukan sahaja tidak bertanggungjawab terhadap Kerajaan Melaka malahan boleh sama melibatkan orang lain yang menjadi pelanggan bank itu.

“Kita telah tahu perkara ini sejak awal lagi. Cek milik orang ramai yang diberikan kepada parti disebarkan dalam Internet,” katanya.

Perbuatan kakitangan bank itu, jelasnya, bukan sahaja memberi nama buruk kepada pengurusan bank terbabit malah kepada institusi kewangan lain secara amnya.

Menurut beliau, pihak pengurusan bank sepatutnya melaksanakan tanggungjawab mereka secara profesional dan tidak mencampurkan kepentingan parti.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan sentiasa mengamalkan tindakan bertolak ansur dalam apa juga perkara walaupun berdepan dengan penyokong kuat parti pembangkang.

“Kerajaan tidak pernah memecat atau menukarkan kakitangannya dengan sesuka hati walaupun ramai yang mengaku sebagai penyokong kuat Pas dalam kerajaan.

“Dalam kerajaan, kita tahu sesetengah daripada mereka merupakan penyokong kuat pembangkang tetapi kita minta mereka lebih profesional,” tambahnya.